



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA PENGURUSAN DERMA KEKAL HINDU

Kementerian Perpaduan Negara ingin menjelaskan bahawa perkara berkaitan **derma kekal Hindu sememangnya merupakan bidang kuasa Persekutuan** sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **Butiran 15(c), Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.**

Walau bagaimanapun, memandangkan **derma kekal Hindu mempunyai kaitan rapat dengan pemilikan serta pengurusan tanah bagi tujuan pembinaan dan pentadbiran kuil, Kementerian berpandangan bahawa pengurusan derma kekal Hindu adalah lebih sesuai dikendalikan oleh pihak Kerajaan Negeri.** Ini kerana hal ehwal berkaitan tanah terletak di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana diperuntukkan dalam **Butiran 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.**

Pendekatan ini telah dilaksanakan melalui penubuhan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang, di mana walaupun undang-undang penubuhannya digubal oleh pihak Persekutuan pada ketika itu, kuasa untuk mewujudkan lembaga tersebut diberikan kepada Yang di-Pertua Negeri. Pendekatan ini penting bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran derma kekal Hindu dapat dilaksanakan secara sah, teratur serta selaras dengan undang-undang negeri yang berkuat kuasa.

Sehubungan itu, sekiranya komuniti Hindu di mana-mana negeri berpandangan terdapat keperluan untuk menubuhkan lembaga wakaf Hindu di peringkat Negeri, cadangan tersebut boleh dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri seterusnya boleh diangkat menerusi Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah Dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri

(MExUnity). **Kerajaan Persekutuan komited untuk mempertimbangkan perkara tersebut serta menggubal undang-undang yang bersesuaian bagi tujuan penubuhannya.** Perkara ini juga selaras dengan Perkara 11(3) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa setiap kumpulan agama berhak memegang dan mentadbir harta mereka mengikut undang-undang.

Kerajaan MADANI kekal komited dalam memelihara kebebasan beragama serta memastikan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai agama di negara ini sentiasa terpelihara. Pendekatan ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan dalam menggalakkan sikap saling menghormati, memahami dan menerima kepelbagaian agama sebagai asas penting kepada kestabilan serta kesejahteraan negara.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

5 MAC 2026

KPN.100-9/1/16 (16)

